

03/02/1997

Perpaduan teras kejayaan negara

Sut

PERPADUAN masyarakat Malaysia amnya dan bagi masyarakat Islam Malaysia khususnya adalah agenda penting bagi meneruskan pencapaian dan justeru itu dapat menikmati kemewahan, kemakmuran dan kemudahan beribadat sebagaimana yang ada pada masa kini. Hal ini seharusnya disedari oleh semua pihak. Di majlis berbuka puasa di Masjid Padang Lalang, Langkawi kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan pentingnya perpaduan. Sikap tidak bermusuhan sesama Islam dan tidak memusuhi orang lain yang tidak memusuhi Islam, adalah sesuai dengan ajaran Islam yang tidak mengajar umatnya bermusuhan dengan orang lain. Begitu juga sikap kita terhadap masyarakat bukan Islam, apatah lagi jika mereka juga tidak bermusuhan dengan Islam. Ini adalah salah satu prasyarat paling utama bagi mewujudkan keharmonian dan dengan demikian akan mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, bukan saja pada waktu siangnya dapat bekerja dengan teratur, pada waktu malamnya dapat pula beribadat secara khusyuk.

Keadaan ekonomi dan ketenteraman yang ada di Malaysia bukan suatu perkara yang wujud begitu sahaja. Ia bukan datang bergolek tanpa perjuangan. Segalanya melalui perjuangan yang panjang. Kejayaan Malaysia pada hari ini, jika tidak didukung sama oleh kehendak masyarakat, tidak akan kekal lama.

Secara relatif berbanding dengan negara lain, keharmonian kita mempunyai tempat yang paling tinggi. Pergilah ke mana-mana pun di Malaysia ini, pergilah bermalam di pantai yang paling sunyi yang terbentang dari Kelantan melalui Terengganu, Pahang sehingga ke Johor dan dari Johor melalui Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang sehinggalah ke Perlis dan pantai Sabah dan Sarawak yang panjang memutih itu - bermalamlah di sana, tidak ada yang akan mengganggu anda. Begitu juga, masukilah hutan hijau di Pahang, Sabah, Sarawak atau di mana saja di Malaysia, tidak akan ada yang mengganggu anda.

Berjalanlah dari utara ke selatan, dari selatan ke utara, dari timur ke barat dari barat ke timur, di mana-mana sahaja yang ada jalan, anda tidak perlu membawa bekalan makanan, kerana di mana saja anda boleh memperolehi makanan asalkan anda membawa wang. Tidak semua negara kini boleh anda lakukan seperti yang kita sebutkan itu. Jika kita berada di luar negara, pada sesetengah bandar misalnya, anda dinasihatkan jangan keluar dari hotel pada waktu malam. Anda dinasihatkan tidak bersiar-siar bersendirian. Di sesetengah negara, disebabkan peperangan yang berlanjutan, sukar bagi kita memperoleh makanan. Janganlah bertanyakan apakah makanan itu halal atau sebaliknya.

Kata Dr Mahathir, umat Islam perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agama dan undang-undang negara, kerana inilah antaranya yang mewujudkan keadaan yang harmoni dan aman sehingga hari ini. Menurutnya, untuk menikmati kemewahan, kemakmuran dan kemudahan beribadat, kita perlu merapatkan hubungan dan mengelakkan keadaan huru-hara.

Pendeknya pentingnya keharmonian bagi sebuah masyarakat dan negara tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Salah satu prasyarat untuk mewujudkan keharmonian ialah wujudnya keadilan yang mana mereka yang berhak mendapat haknya. Mereka yang berjasa pula diberi penghargaan manakala yang bersalah mendapat balasan di atas kesalahannya. Pihak yang melaksanakan keadilan ialah kuasa yang diberikan kepada kerajaan yang diterajui oleh pemimpin yang dipilih oleh rakyat. Kuasa yang ada pada pemimpin semata-mata tidak mencukupi jika mereka tidak mempunyai akhlak. Inipun sudah banyak kali

dinyatakan oleh Dr Mahathir.

Banyak kerajaan yang berjaya dan aman serta harmoni hancur kerana masyarakatnya hidup di bawah pentadbiran yang zalim dan pemimpinnya tidak mempunyai akhlak. Dalam Kisah Nabi-Nabi (Qasyasyul Anbiya) saduran oleh H Salim Bahreisy terbitan PT Bina Ilmu, Jakarta mencatatkan kisah kehancuran umat Lut disebabkan oleh masyarakatnya yang sudah tidak berakhlak.

Nabi Lut adalah anak saudara Nabi Ibrahim. Sewaktu di Mesir, Ibrahim-Lut berusaha menternak. Ternakannya biak dengan begitu cepat dan tidak tertampung oleh tempat sedia ada. Perkongsian itu dipecahkan dan dibahagi dengan adilnya. Lut pun berpindah di suatu tempat bernama Sadum.

Masyarakat Sadum adalah masyarakat yang rendah moralnya, tidak beradab, rosak akal, tidak berperikemanusiaan dan tidak mempunyai pegangan agama.

Maksiat dan kemungkaran bermaharajalela. Yang kuat, berkuasa manakala yang lemah, menjadi mangsa. Tidak ada pendatang ke Sadum yang selamat. Yang membawa barangan berharga dirampas. Lelaki mengamalkan homoseks yang perempuan menjadi lesbian.

Demikianlah akhirnya Allah mengutuskan Nabi Lut di Sadum. Tetapi masyarakat Sadum tetap tidak mahu menerima ajaran Nabi Lut. Akhirnya diturunkan azab dan dihancurkan umat itu.

Di dalam al-Quran, (Surah al-Anbiya: 74-75) Allah berfirman yang maksudnya: "Dan kepada Lut, Kami berikan hikmah dan ilmu, dan Kami selamatkan dia daripada (azab yang menimpa penduduk) kota yang mengerjakan perbuatan keji. Sesungguhnya mereka adalah kaum yang jahat lagi fasik. Dan Kami masukkan dia ke dalam rahmat Kami, kerana sesungguhnya dia termasuk orang yang salih."

(END)